Konsep fesyen yang lestari ialah fesyen yang dicipta dengan mengambil kira semua peringkat kitaran pakaian dan menyedari perspektif reka bentuk dan sistem yang mengurangkan kesan negatif dan bertujuan untuk mewujudkan impak ekonomi, alam sekitar dan sosial yang positif. Fesyen yang lestari juga melibatkan amalan-amalan baik yang bertujuan memperkayakan dan memberi kesan positif terhadap masyarakat, budaya, organisma lain dan persekitaran untuk menghormati dan menggalakkan kepelbagaian (Kozlowski et al., 2018). Oleh itu, sebuah produk yang menggabungkan keselamatan alam sekitar atau boleh dikitar semula boleh dianggap sebagai produk yang baik. Dengan itu, pengeluar tekstil juga perlu mempertimbangkan serat pengeluaran, proses pembuatan produk dan apa yang akan berlaku pada tekstil semasa dan selepas kitaran hayat produk semasa merancang produk mereka (Chen & Burns, 2006).

Bagi membina tingkah laku pelupusan pakaian yang berkesan, kita harus terlebih dahulu memupuk sikap positif terhadap pelupusan pakaian. Pengguna mesti faham bahawa kaedah yang salah akan memberi kesan yang buruk kepada alam sekitar (Wai Yee et al., 2016). Selain daripada pelupusan, kitar semula juga







salah satu cara untuk mengurangkan sisa serta memanjangkan jangka hayat produk pakaian dengan cara menggunakannya semula tanpa perlu melalui proses penghasilan produk yang baharu. Rekaan semula pakaian yang dikitar semula akan dapat mengurangkan impak dan kesan negatif terhadap alam sekitar (Shim et al., 2018).

Institusi Pendidikan merupakan platform utama dalam menghadapi cabaran masa depan. Pendidikan untuk pembangunan lestari adalah penting dalam menyediakan murid bukan sahaja untuk kehidupan dan kerjaya tetapi menyumbang kepada pembangunan negara yang lestari. Pendidikan berkualiti harus di ubah ke arah pembangunan yang mampan seperti mengambil pendekatan melalui kualiti pengajaran dan pembelajaran TVET di Malaysia terutamanya program-program berkaitan fesyen pakaian dengan penerapan nilai-nilai kelestarian dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Williams, 2019; Abner et al., 2019). Pendidikan untuk pembangunan lestari merupakan kunci untuk membangunkan kemahiran-kemahiran yang dapat membantu pelajar menyedari bahawa laluan ke arah kelestarian melibatkan aspek ekonomi, politik dan sosial (Garcia & Aguiar, 2017).

Kurikulum di peringkat sekolah menengah dalam mata pelajaran Sains Rumah Tangga hanya menekankan tentang pengetahuan dan kemahiran asas tentang fabrik, prinsip pemilihan pakaian, menghasilkan pakaian dan membuat pengiraan kos (DSKP SRT T4, 2015). Manakala di peringkat pengajian tinggi pula, kursus yang ditawarkan berkaitan bidang rekaan pakaian dan jahitan adalah Seni Reka Fesyen, Fesyen dan Pakaian Seni Reka Tekstil dan Teknologi Fesyen yang





mana kurikulumnya merangkumi asas pembuatan pakaian, pola pakaian, seni reka fesyen, pembuatan pakaian lelaki dan pembuatan pakaian wanita. Tinjauan awal telah mendapati pendidikan sedia ada tidak menekankan pembelajaran tentang kelestarian fesyen iaitu tentang pemilihan pakaian yang selamat, hala tuju pakaian setelah pakaian rosak atau setelah berakhirnya hayat sesuatu pakaian. Pendidikan seperti ini wajar diberi perhatian kerana masalah lambakan pakaian perlu dibendung di peringkat bawah lagi. Menurut Moon et al. (2015), majoriti pengguna yang kurang pengetahuan tentang fesyen yang lestari akan menjadi hamba kepada *trend* fesyen. Mereka tidak menyedari tentang akibat daripada pembuangan pakaian ke tapak pelupusan. Tindakan mereka itu akan menyebabkan pemanasan global dan memberi kesan yang negatif terhadap alam sekitar. Oleh itu Model Kelestarian Fesyen (*GFas-S*) yang akan dihasilkan daripada kajian ini akan dapat menjadi rujukan pihak industri serta pengamal fesyen dalam menghasilkan fesyen pakaian yang lestari di mana tidak mencemar dan membahayakan alam sekitar.

#### 1.4 Pernyataan Masalah

Punca pencemaran terbesar di dunia adalah berpunca daripada industri fesyen (Moon et al., 2015; Saha et al., 2019; Lin, 2021). Industri fesyen memberi kesan yang besar kepada alam sekitar dengan penggunaan banyak tan air, menghasilkan gas karbon dioksida yang berlebihan dan mencemarkan alam sekitar dengan bahan kimia yang merbahaya (Chen & Burns, 2006; Dickenbrok & Martinez, 2018). Ini dapat dibuktikan dengan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengurusan Sisa Pepejal Negara di mana Malaysia telah menghasilkan kira-kira 8.4 juta tan sisa





pepejal setiap tahun dan 4% daripada sisa pepejal tersebut terdiri daripada pakaian dan tekstil (Wai Yee et al., 2016).

Pencemaran alam sekitar juga berlaku melalui penggunaan tenaga yang berlebihan untuk menghasilkan pakaian, penggunaan sumber yang tidak boleh diperbaharui untuk penghasilan serat, penggunaan air dalam kuantiti yang banyak, penggunaan bahan kimia ke atas sumber yang boleh diperbaharui seperti kapas. Produk pakaian daripada gentian buatan seperti produk sintetik mengalami proses pengkomposan yang lama dan memberi impak negatif kepada keluasan tapak pelupusan sampah serta mencemarkan tanah (Žurga et al., 2015). Selain itu, penggunaan sumber asli yang berterusan seperti penggunaan bulu-bulu binatang, kapas, dan kulit yang berterusan juga boleh menyebabkan berlakunya kepupusan haiwan (Wai Yee et al., 2016) dan perkara ini boleh menyebabkan berlakunya kegagalan dalam mencapai *sustainable development goal* (Norum & Norton, 2017).

Bukan sahaja di peringkat pembuatan pakaian dan penggunaan pakaian memberi kesan kepada alam sekitar, malah di peringkat pelupusan pakaian turut menyumbang kepada berlakunya pencemaran dan memberi kesan kepada rumah hijau (Quinn & Sinclair, 2016). Tambahan lagi, peningkatan pembelian pakaian dalam kalangan pengguna juga telah menjurus kepada lambakan pakaian terpakai dan seterusnya mendorong kepada berlakunya masalah berhubung dengan pencemaran alam sekitar dan kepupusan haiwan. Menurut Žurga et al. (2015), peningkatan pembelian pakaian telah meningkat kepada 1/3 berbanding empat tahun yang lalu. Pengguna masa kini mempunyai kesedaran terhadap pencemaran alam sekitar yang berlaku dan mereka sedar bahawa mereka perlu mengamalkan





tingkah laku yang lestari dalam penggunaan pakaian (Shim et al., 2018). Pengguna juga membuat permintaan yang tinggi kepada industri supaya menghasilkan pakaian yang mesra alam. Namun, masalah yang berlaku adalah pengguna mahukan pakaian mesra alam tersebut dengan harga yang murah (Žurga et al., 2015).

Selain daripada itu, faktor keagamaan dalam diri seseorang individu dan juga komuniti disesuatu tempat juga memainkan peranan dalam kelestarian fesyen. Menurut A. Razzaq et al. (2018), keagamaan interpersonal atau keagamaan dalam komuniti menjadi penghalang kepada pengguna untuk terlibat dalam penggunaan fesyen lestari. Faktor keagamaan ini hanya diterjemahkan secara individu oleh pengguna. Menurut Johnson et al. (2001), keagamaan adalah sejauh mana seseorang individu itu komited terhadap agama dan ajarannya yang boleh diterjemahkan dalam sikap dan tingkah laku serta dapat menggambarkan komitmen. Maclean et al. (2004) menyatakan bahawa keagamaan menjadi faktor penting yang perlu dibincangkan kerana ianya memainkan peranan besar dalam membentuk identiti diri seseorang individu. Keagamaan juga mempengaruhi pengguna dalam membuat keputusan melalui pengaruh kognitif dan tingkah laku individu (Delener, 1994).

Oleh itu, bagaimana pihak industri mengambil perhatian terhadap permintaan pengguna untuk menghasilkan pakaian yang mesra alam dengan harga yang berpatutan. Pihak pengeluar perlu bertanggungjawab kepada masyarakat dan alam semulajadi. Adalah perlu untuk memastikan proses menghasilkan sesuatu pakaian yang melibatkan penggunaan bahan mentah, pemprosesan, dan pengeluaran pakaian tidak memberi impak negatif terhadap alam sekitar (Deschamps et al., 2017; Rogers et al., 2018). Kurikulum dalam mata pelajaran di





sekolah dan sistem pendidikan semasa tidak menunjukkan kesesuaian antara keperluan industri dan pengetahuan pendidikan yang seharusnya diterima oleh pelajar-pelajar (Palomo-Lovinski et al., 2019). Pendidikan di setiap institusi juga tidak menekankan bagaimana untuk memilih pakaian yang lestari, mereka bentuk semula atau mengitar semula pakaian terpakai. Walhal pembelajaran seperti ini sangat penting kerana berkait rapat dengan kehidupan harian pelajar. Institusi juga harus memainkan peranan penting dalam mengenal pasti kesan peningkatan perubahan teknologi serta corak penggunaan yang tidak berlanjutan dalam industri yang menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar (Rao et al., 2020; Lin, 2021). Oleh itu, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam mengubah tingkah laku dan mempromosikan pemikiran kritikal ke arah masa depan yang lebih lestari (Garcia et al., 2017 ; Deschamps et al., 2017; Radclyffe-Thomas et al., 2018; Varley et al., 2018; Abner et al., 2019).



Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk memberi kesedaran secara menyeluruh kepada generasi muda tentang kepentingan memulihara alam sekitar untuk kesejahteraan hidup bersama. Selain daripada itu, kajian ini akan mengkaji tentang faktor keagamaan dalam diri dan komuniti seseorang individu sama ada mempengaruhi atau tidak penggunaan fesyen lestari. Dengan ini, satu kerangka Model *GFas-S* berkaitan dengan kelestarian pakaian perlu dihasilkan untuk menjadi penggerak dalam membudayakan tingkah laku yang lestari supaya pengeluaran pakaian dapat dikawal serta lambakan pakaian terpakai dapat diatasi. Selain itu, model yang dihasilkan juga dapat diguna pakai oleh semua pemegang taruh dan juga pengamal fesyen. Hasil analisis dapatan ini juga diharapkan dapat membantu pihak tertentu dalam menghasilkan pakaian, menggunakan pakaian serta



memberi pendidikan agar dapat menerapkan beberapa aspek kelestarian pakaian yang boleh dilaksanakan kepada semua golongan masyarakat ke arah mencapai *sustainable development goals (SDGs)*.

## 1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membina satu kerangka model berkaitan kelestarian fesyen yang dinamakan model *GFas-S*. Model ini diharapkan akan menjadi penggerak dalam membudayakan amalan kelestarian dalam bidang fesyen pakaian di mana model ini juga boleh digunakan oleh semua pemegang taruh dan juga pengamal fesyen dalam bidang pendidikan fesyen. Secara tidak langsung kajian ini juga akan dapat memberi kesedaran secara menyeluruh kepada generasi muda tentang kepentingan kelestarian alam sekitar untuk masa depan negara yang sihat.

## 1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mendapat pandangan pihak industri dan tenaga pengajar fesyen terhadap kepentingan kelestarian dalam reka bentuk fesyen pakaian.
2. Mendapat pandangan daripada pihak industri dan tenaga pengajar fesyen terhadap masalah kelestarian dalam industri fesyen secara umum.

3. Mendapat pandangan pihak industri dan tenaga pengajar fesyen terhadap manfaat dalam menggunakan amalan yang mampan dalam penghasilan reka bentuk fesyen yang lestari.
4. Mengenal pasti konstruk dan item dalam Model Kelestarian Fesyen *GFas-S* berdasarkan kesepakatan pakar.
5. Mengenal pasti tahap penggunaan fesyen yang lestari, penglibatan fesyen, sikap proalam sekitar, kesedaran terhadap alam sekitar, tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar jurusan SRFT di Malaysia.
6. Mengesahkan Model Kelestarian Fesyen *GFas-S*.
7. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara penglibatan fesyen, sikap proalam sekitar, kesedaran terhadap alam sekitar, tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.
8. Mengenal pasti sama ada faktor tingkah laku keagamaan secara interpersonal dan intrapersonal memberi kesan dalam meningkatkan hubungan antara penglibatan fesyen dengan penggunaan fesyen yang lestari.
9. Mengenal pasti sama ada faktor tingkah laku keagamaan secara interpersonal dan intrapersonal memberi kesan dalam meningkatkan hubungan antara sikap proalam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.
10. Mengenal pasti sama ada faktor tingkah laku keagamaan secara interpersonal dan intrapersonal memberi kesan dalam meningkatkan hubungan antara kesedaran terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.
11. Mengenal pasti sama ada faktor tingkah laku keagamaan secara interpersonal dan intrapersonal memberi kesan dalam meningkatkan hubungan antara tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.

## 1.7 Soalan Kajian

1. Apakah pandangan pihak industri dan tenaga pengajar fesyen terhadap kepentingan kelestarian dalam reka bentuk fesyen pakaian?
2. Apakah pandangan pihak industri dan tenaga pengajar fesyen terhadap masalah kemampanan dalam industri fesyen secara umum?
3. Apakah pandangan pihak industri dan tenaga pengajar fesyen terhadap manfaat dalam menggunakan amalan yang mampan dalam penghasilan reka bentuk fesyen yang lestari?
4. Apakah konstruk dan item yang terdapat dalam Model Kelestarian Fesyen *Gfas-S* berdasarkan kesepakatan pakar?
5. Apakah tahap penglibatan fesyen dalam kalangan pelajar jurusan SRFT di Malaysia?
6. Apakah tahap sikap proalam sekitar dalam kalangan pelajar jurusan SRFT di Malaysia?
7. Apakah tahap kesedaran terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar jurusan SRFT di Malaysia?
8. Apakah tahap tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar jurusan SRFT di Malaysia?
9. Apakah tahap penggunaan fesyen yang lestari dalam kalangan pelajar jurusan SRFT di Malaysia?
10. Adakah konstruk-konstruk dalam Model Kelestarian Fesyen *Gfas-S* boleh dipercayai?
11. Adakah Model Kelestarian Fesyen *Gfas-S* mempunyai kesahan dan kbolehpercayaan yang tinggi?





12. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan fesyen dengan penggunaan fesyen yang lestari?
13. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap proalam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari?
14. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari?
15. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari?
16. Adakah faktor tingkah laku keagamaan secara interpersonal meningkatkan hubungan antara penglibatan fesyen dengan penggunaan fesyen yang lestari?
17. Adakah faktor tingkah laku keagamaan secara intrapersonal meningkatkan hubungan antara penglibatan fesyen dengan penggunaan fesyen yang lestari?
18. Adakah faktor tingkah laku keagamaan secara interpersonal meningkatkan hubungan antara sikap proalam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari?
19. Adakah faktor tingkah laku keagamaan secara intrapersonal meningkatkan hubungan antara sikap proalam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari?
20. Adakah faktor tingkah laku keagamaan secara interpersonal meningkatkan hubungan antara kesedaran terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari?
21. Adakah faktor tingkah laku keagamaan secara intrapersonal meningkatkan hubungan antara kesedaran terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari?
22. Adakah faktor tingkah laku keagamaan secara interpersonal meningkatkan hubungan antara tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari?





23. Adakah faktor tingkah laku keagamaan secara intrapersonal meningkatkan hubungan antara tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari?

### 1.8 Hipotesis Kajian

Ha1. Terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan fesyen dengan penggunaan fesyen yang lestari.

Ha2. Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap proalam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.

Ha3. Terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.

Ha4. Terdapat hubungan yang signifikan antara tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.

Ha5a. Tingkah laku keagamaan secara interpersonal meningkatkan hubungan antara penglibatan fesyen dengan penggunaan fesyen yang lestari.

Ha5b. Tingkah laku keagamaan secara intrapersonal meningkatkan hubungan antara penglibatan fesyen dengan penggunaan fesyen yang lestari.

Ha6a. Tingkah laku keagamaan secara interpersonal meningkatkan hubungan antara sikap proalam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.

Ha6b. Tingkah laku keagamaan secara intrapersonal meningkatkan hubungan antara sikap proalam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.

Ha7a. Tingkah laku keagamaan secara interpersonal meningkatkan hubungan antara kesedaran terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.

Ha7b. Tingkah laku keagamaan secara intrapersonal meningkatkan hubungan




antara kesedaran terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.

Ha8a. Tingkah laku keagamaan secara interpersonal meningkatkan hubungan antara tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.

Ha8b. Tingkah laku keagamaan secara intrapersonal meningkatkan hubungan antara tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar dengan penggunaan fesyen yang lestari.

## 1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Pembinaan kerangka kajian ini dilakukan dengan menggabungkan konsep-konsep penting dalam teori dan model berkaitan kelestarian fesyen serta pembangunan mampan daripada kajian-kajian lepas. Oleh itu, satu kerangka konseptual kajian telah dibentuk seperti dalam Rajah 1.1 berikut:



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini mengandungi empat pemboleh ubah bebas iaitu penglibatan dalam fesyen, sikap proalam sekitar, kesedaran terhadap alam sekitar dan tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar. Penggunaan fesyen yang lestari adalah pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Selain itu juga, faktor keagamaan dalam kajian ini merupakan pemboleh ubah penyederhana (*moderator*) di mana ianya dipecahkan kepada dua iaitu keagamaan interpersonal dan keagamaan intrapersonal.



## 1.10 Kepentingan Kajian

Model kelestarian fesyen ini akan dihasilkan sebagai satu rujukan dan panduan dan diaplikasikan kepada semua pengamal atau pemegang taruh dalam bidang fesyen dan pakaian. Komponen dalam model ini mengambil kira matlamat dalam Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals: SDGs*) yang telah dirancang oleh PBB dan juga NT50 bertujuan untuk kesedaran rakyat terhadap kepentingan kehidupan lestari, pemeliharaan alam sekitar dan infrastruktur bertahap dunia.

### 1.10.1 Kepentingan Kepada KPM/KPT/IPG/ILK



Hasil daripada kajian ini akan dapat digunakan oleh penggubal kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga di peringkat sekolah menengah atau mata pelajaran Seni Rekaan Fesyen di peringkat pengajian tinggi dalam usaha penambahbaikan kurikulum sedia ada. Maklum balas daripada pakar dalam bidang industri fesyen dan pakaian ini akan dapat dijadikan sebagai panduan semasa kurikulum digubal. Selain itu, penerapan ilmu berkaitan kelestarian fesyen dan alam sekitar juga sepatutnya diterapkan bermula di sekolah rendah sehingga institusi pengajian tinggi. Dengan cara ini kelestarian fesyen akan dapat dicapai. Tenaga pengajar dalam bidang fesyen akan dapat menggunakan kerangka Model Kelestarian Fesyen *GFas-S* yang dihasilkan dalam penerapan ilmu kepada pelajar agar mereka dapat mengekalkan kelestarian alam sekitar ke arah pembangunan negara yang mampan.





### **1.10.2 Kepentingan Kepada Industri**

Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada industri dalam menghasilkan fesyen dan pakaian untuk keperluan pengguna yang mementingkan kelestarian ke arah pembangunan negara yang mampan. Kesedaran kepada pihak industri tentang kesan daripada penghasilan produk pakaian dan fesyen yang tidak lestari yang mana akan membahayakan kesihatan rakyat. Pihak industri juga akan lebih peka dalam mereka bentuk pakaian lestari yang dapat menarik minat dan keinginan pengguna untuk membeli. Sumber-sumber bahan mentah yang digunakan oleh industri juga sangat penting dalam mengekalkan alam sekitar yang mampan.

### **1.10.3 Kepentingan Kepada Sektor Ekonomi Negara dan Masyarakat**

Dapatan kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi kesedaran dan membentuk tabiat yang positif dalam kalangan generasi muda untuk mengekalkan alam sekitar. Pengguna atau masyarakat akan lebih bijak semasa memilih atau membeli produk pakaian dan akan mementingkan produk yang lebih lestari atau mampan. Pengguna akan sedar kesan daripada penggunaan produk pakaian yang tidak mampan. Ini sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan masalah pencemaran terhadap alam semulajadi.





### 1.11 Skop Kajian

Pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan kelestarian fesyen di dalam dan juga luar negara. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini terminologi kelestarian fesyen adalah lebih tertumpu kepada fesyen pakaian. Kajian ini juga memberi penumpuan kepada sikap, kesedaran, tanggungjawab, norma peribadi serta tingkah laku pelajar dalam bidang fesyen dan tekstil terhadap penglibatan mereka dalam fesyen, sikap, kesedaran serta norma peribadi mereka terhadap alam sekitar serta faktor keagamaan interpersonal dan intrapersonal dalam menggunakan fesyen yang lestari. Kajian ini juga lebih memfokuskan bagaimana pelajar-pelajar bidang fesyen menentukan kelestarian dan bagaimana mereka mengambil tindakan untuk mewujudkan tingkah laku yang lestari dalam menggunakan fesyen dalam kehidupan seharian mereka serta bagaimana faktor keagamaan mempengaruhi penggunaan fesyen lestari.



### 1.12 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terhad kepada pakar dalam industri pakaian pelbagai bidang di Malaysia. Tenaga pengajar pula adalah sama ada daripada ILK Awam dan Pusat Pentauliahan di bawah penyeliaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM). Tenaga pengajar yang dipilih hanya terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan dan latihan dalam Reka Bentuk Fesyen dan Pakaian serta mengajar dalam bidang fesyen sahaja. Responden dalam kajian tinjauan pula hanya terdiri daripada pelajar yang mengambil jurusan seni



rekaan fesyen dan tekstil di bawah program Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Sijil di Institusi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Kajian ini hanya terhad kepada konsep kelestarian fesyen, manakala produk atau perkhidmatan lain tidak dimasukkan dalam kajian ini. Kajian ini juga melibatkan pakar-pakar dalam industri pakaian di Malaysia dan tenaga pengajar khusus dalam bidang rekaan fesyen. Responden kajian pula hanya melibatkan pelajar-pelajar yang mengambil jurusan seni rekaan fesyen. Oleh yang demikian, dapatan kajian yang berkaitan dengan pendapat, pandangan dan buah fikiran daripada industri perlu diinterpretasikan dengan teliti supaya dapat digeneralisasikan kepada semua majikan dalam industri fesyen pakaian. Selain daripada itu, kajian ini juga lebih terhad kepada bidang Pendidikan fesyen. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya untuk memberi gambaran tentang tahap pemahaman serta amalan kelestarian pelajar-pelajar SRFT dalam kehidupan peribadi dan professional mereka.

## 1.13 Definisi Operasional

### 1.13.1 Model GFas-S

Model *GFas-S* merupakan model yang dihasilkan daripada kajian ini. Model ini dibina daripada gabungan beberapa perkataan Bahasa Inggeris iaitu *G* daripada perkataan *Green* yang membawa maksud hijau. Hijau sering dikaitkan dengan kelestarian alam sekitar, di mana kajian yang akan dijalankan ini juga adalah berkisar tentang kelestarian





alam sekitar. Perkataan seterusnya adalah *Fas* yang diambil daripada perkataan Bahasa Inggeris iaitu *Fashion* atau fesyen dalam Bahasa Melayu. Fesyen dalam kajian ini adalah tertumpu kepada fesyen pakaian. Huruf yang terakhir ialah *S* iaitu daripada perkataan *sustainable* dalam Bahasa Inggeris yang membawa maksud mampan. Oleh itu Model *GFas-S* yang akan dihasilkan merupakan model yang berkaitan dengan kelestarian dalam fesyen pakaian. Model ini menerangkan tentang sikap, kesedaran, tanggungjawab, norma peribadi dan tingkahlaku pelajar yang mengambil jurusan SRFT dalam penggunaan fesyen yang lestari dalam kehidupan peribadi dan profesional mereka.

### 1.13.2 Kelestarian



Kelestarian bermaksud pembangunan yang tidak menjejaskan alam sekitar bagi tujuan memenuhi keperluan generasi akan datang (Shen, 2014). Manakala definisi yang diberikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) kelestarian bermaksud kekal dan terpelihara sampai bila-bila. Menurut Deschamps et al. (2017), amalan lestari dapat didefinisikan sebagai aktiviti untuk memenuhi keperluan manusia tetapi pada masa yang sama mengelakkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai kesan negatif terhadap masyarakat atau alam sekitar. Oleh itu, dalam kajian ini, kelestarian fesyen bermaksud sebarang bentuk pembangunan dan penghasilan produk fesyen misalnya ia tidak akan memberi kesan yang negatif terhadap alam sekitar dan membolehkan alam sekitar kita kekal untuk generasi yang akan datang.





### 1.13.3 Kesedaran terhadap alam sekitar

Kesedaran terhadap isu alam sekitar bermaksud pengguna mempunyai kesedaran terhadap masalah alam sekitar yang berlaku seperti pemanasan global, perubahan iklim, penipisan lapisan ozon dan sebagainya. Di samping itu, pengguna juga faham tentang sebab dan akibat daripada tindakan mereka sekiranya tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar (Cloud, 2010). Sekiranya tahap kesedaran dan pengetahuan pengguna mengenai fesyen yang lestari adalah tinggi, ia mungkin akan dapat menghapuskan kekeliruan mengenai kemampanan. Dalam kajian ini, kesedaran terhadap alam sekitar meliputi aspek kesedaran pengguna semasa membuat pembelian produk pakaian seperti memastikan bahan yang digunakan dalam penghasilan sesuatu produk pakaian serta proses pembuatan dalam penghasilan produk pakaian adalah tidak merosakkan atau memberi kesan yang negatif kepada alam sekitar.



### 1.13.4 Fesyen Lestari

Pelbagai istilah yang digunakan dalam kajian sebelum ini mengenai fesyen lestari. Antaranya ialah fesyen eko, *green fashion*, *slow fashion* dan fesyen beretika. Fesyen lestari ialah pakaian yang direka dan dihasilkan untuk meningkatkan manfaat untuk orang dan masyarakat sambil mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Fesyen lestari juga merujuk kepada pakaian, yang direka, dihasilkan, digunakan semula dan dilupuskan dengan cara yang sejajar dengan konsep pembangunan mampan (Iran & Schrader, 2017).





Menurut Mcneill dan Moore (2015) fesyen yang dihasilkan secara lestari mempunyai fungsi untuk mengurangkan kesan ke atas alam sekitar. Manakala menurut Kozlowski et al. (2018), fesyen yang lestari ditakrifkan sebagai reka bentuk pengeluaran, pengedaran dan penggunaan semula, kitar semula atau pelupusan fesyen yang menyokong sistem sekeliling, meminimumkan kesan positif ke atas kedua-dua masyarakat dan persekitaran semulajadi. Niinimaki (2010) menjelaskan bahawa fesyen eko dikaitkan dengan bahan organik, oleh itu fesyen eko adalah mesra alam dan sering digunakan secara bergantian. Syarikat-syarikat telah berusaha untuk mengurangkan kesan pakaian terhadap persekitaran semula jadi. Penekanan diberikan ke atas proses pengeluaran mereka secara aktif dengan mengurangkan penggunaan bahan kimia dan pelepasan gas karbon dioksida. Selain daripada itu, proses pengeluaran yang dijalankan juga mengambil kira kaedah pembuangan sisa dengan betul untuk memastikan air tidak tercemar serta sumber tenaga yang digunakan dapat diperbaharui atau terbiodegradasi.



Menurut Fletcher (2008) pula menyatakan syarikat yang menghasilkan *slow fashion* telah mengubah seluruh infrastruktur mereka untuk mempunyai fokus yang lebih baik, menggunakan bahan tempatan serta teknik tradisional. Beliau juga menjelaskan bahawa *slow fashion* merangkumi kedua-dua aspek fesyen eko dan fesyen beretika, namun tumpuan diluaskan untuk melihat lebih jauh proses pengeluaran dan rantaian bekalan secara keseluruhan.

Menurut Geiger dan Keller (2018), terdapat sepuluh kriteria ditakrifkan terhadap fesyen beretika dalam *Ethical Fashion Forum* (EFF, 2016). Takrifan yang pertama ialah melawan *fast fashion* dimana *fast fashion* akan memberikan kesan merosakkan alam sekitar; kedua fesyen beretika dapat mempromosikan gaji yang saksama, keadaan kerja dan hak pekerja dalam penghasilan fesyen beretika tersebut;





yang ketiga dapat memastikan mata pencarian yang mampan; yang keempat mengelakkan penggunaan bahan yang merbahaya seperti racun makhluk perosak; yang kelima menggunakan bahan yang mesra alam; yang keenam mengurangkan penggunaan air; yang ketujuh menggunakan bahan kitar semula dan menggabungkan kecekapan tenaga; yang kelapan menyokong standard lestari untuk fesyen; yang kesembilan meningkatkan kesedaran mengenai tingkah laku beretika dan yang kesepuluh mempromosikan hak haiwan. Menurut Joergens (2006), fesyen beretika melampaui apa yang dilakukan oleh syarikat fesyen eko kerana mereka tidak hanya melihat kesan yang dimiliki industri fesyen terhadap persekitaran semula jadi, tetapi juga mempertimbangkan implikasi sosial, seperti keadaan kerja dan kesejahteraan kedua-dua pekerja dan pengguna dari segi kesihatan mereka.

Dalam kajian ini fesyen lestari merujuk kepada fesyen pakaian yang direka atau dihasilkan dengan penggunaan bahan yang tidak mencemarkan alam sekitar serta boleh dikitar semula atau dapat dilupuskan dengan cara yang lestari.

### 1.13.5 Sikap Proalam Sekitar

Menurut Kollmuss dan Agyemann, (2002) sikap proalam sekitar bermaksud sikap dan persepsi individu yang sentiasa berusaha secara tidak henti-henti dalam mengurangkan pengaruh negatif dari kegiatan seseorang ke dunia yang lebih mementingkan alam semulajadi. Contohnya adalah seperti menggunakan bahan-bahan yang boleh dikitar semula, mengurangkan penggunaan sumber serta menghadkan pengeluaran yang membazir. Menurut Rice (2006) terdapat tiga jenis sikap proalam sekitar iaitu domain





awam, domain peribadi dan tingkah laku aktivis. Dalam kajian ini, sikap proalam sekitar merujuk kepada domain peribadi iaitu merujuk kepada tingkah laku secara sukarela dan juga secara sengaja.

### 1.13.6 Tanggungjawab Serta Norma Peribadi Terhadap Alam Sekitar

Pengguna yang mempunyai tanggungjawab serta norma peribadi yang positif terhadap alam sekitar akan dapat menilai kesan-kesan positif atau negatif kepada alam sekitar dengan pembelian produk. Seseorang individu yang mengambil berat mengenai jumlah sampah yang dihasilkan akan mempertimbangkan pelupusan terhadap pembungkusan sesuatu produk semasa membuat pembelian sesuatu produk. Sekiranya kesan terhadap alam sekitar menjadi keutamaan kepada pengguna, hasilnya mungkin adalah pembelian produk yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Menurut Han dan Cheng, (2020), tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar bermaksud Tindakan yang ditunjukkan oleh seseorang individu dalam kehidupan seharian mereka terhadap alam sekitar. Dalam kajian ini tanggungjawab serta norma peribadi terhadap alam sekitar bermaksud, tindakan atau tingkah laku seseorang individu yang menunjukkan rasa tanggungjawab mereka dalam menjaga alam sekitar dalam penggunaan fesyen pakaian.





### 1.13.7 Faktor Keagamaan

Musgrave dan McFarlane (2004) mendefinisikan keagamaan sebagai cara seseorang itu menyatakan kepercayaan mereka serta bagaimana mereka mengamalkan agama mereka. Manakala menurut Johnson et al. (2001), keagamaan didefinisikan sebagai sejauh mana seseorang individu itu memberi komitmen terhadap agama mereka dan ajaran agama mereka, contohnya seperti sikap dan tingkah laku yang menggambarkan komitmen mereka. Dalam kajian ini faktor keagamaan yang terlibat dipecahkan kepada dua iaitu keagamaan interpersonal yang bermaksud seseorang itu melibatkan agama mereka untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat manakala yang kedua ialah keagamaan intrapersonal yang bermaksud keagamaan dalam diri seseorang individu itu sendiri.



### 1.13.8 Pengamal Fesyen

Pengamal membawa maksud seseorang yang terlibat dalam sesuatu bidang, disiplin atau kerjaya yang berkaitan bidang tertentu. Menurut (Finn, 2014), pengamal fesyen merupakan individu-individu yang terlibat dalam bidang fesyen serta mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini. Manakala menurut Haseman dan Mafe (2009), pengamal fesyen merupakan pereka fesyen yang melakukan aktiviti penyelidikan di peringkat university di mana mereka ini berfikir, membaca dan menulis disamping melihat, mendengar dan membuat perkara-perkaran yang berkaitan bidang fesyen. Dalam kajian ini pengamal fesyen bermaksud semua individu yang terlibat



dalam bidang fesyen seperti pereka-pereka fesyen, penyelidik dalam bidang fesyen atau pensyarah-pensyarah dalam bidang fesyen atau bidang pendidikan fesyen.

#### **1.14 Rumusan Bab**

Kesimpulannya, bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, limitasi kajian serta definisi operasional. Kelestarian dalam fesyen merupakan inisiatif baharu bagi mengatasi masalah pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada fesyen. Justeru itu, kajian ini wajar dijalankan bagi menghasilkan satu model kelestarian fesyen yang boleh diguna pakai oleh semua pemegang taruh dan pengamal fesyen.